



SOALAN LAZIM

BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)

PENUTUPAN PEJABAT DAN KAUNTER JPPM DAN KAEDAH BERURUSAN

1. Adakah kaunter Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) beroperasi seperti biasa?
Semua kaunter JPPM adalah di buka secara kaedah temujanji selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri berhubung Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).
2. Bilakah tarikh penutupan kaunter ini berkuatkuasa?
Tarikh kuatkuasa adalah dari 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020. Walau bagaimanapun, mulai 13 Mei 2020 Operasi Kaunter JPPM dibuka secara temujanji.
3. Bagaimanakah pertubuhan-pertubuhan hendak berurusan dengan JPPM?
Pengurusan pertubuhan adalah berjalan seperti sedia ada dengan menggunakan sistem eROSES. Sebarang bentuk pembayaran fi juga boleh dilaksanakan secara atas talian. Sekiranya terdapat sebarang permasalahan teknikal berhubung sistem eROSES boleh dikemukakan melalui alamat emel aduan_it.ros@moha.gov.my.

LARANGAN BERHIMPUN

4. Bolehkah pihak pertubuhan melaksanakan perhimpunan/persidangan/mesyuarat agung tahunan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Pihak pertubuhan adalah **DILARANG** untuk melaksanakan aktiviti perhimpunan/persidangan/mesyuarat agung tahunan sehingga **30 JUN 2020**. Perkara ini adalah selaras dengan arahan Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 16 Mac 2020 berhubung penularan wabak COVID-19. Hal ini juga mengambil kira arahan daripada Ketua Pengarah Kesihatan yang memohon agar semua rakyat Malaysia mengelakkan sebarang bentuk mass gathering atau mengadakan perhimpunan di sesuatu tempat yang boleh mengakibatkan penularan wabak COVID-19.

PENGURUSAN PERTUBUHAN BERDAFTAR SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

5. Pertubuhan saya perlu mengadakan mesyuarat jawatankuasa atas keperluan khas pertubuhan. Bolehkah pertubuhan saya mengadakan mesyuarat jawatankuasa tersebut?
 - i) ***Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan mulai 4 Mei 2020, beberapa kelonggaran telah diberikan kepada rakyat Malaysia untuk menjalankan aktiviti terutamanya dalam sektor ekonomi dan aktiviti-aktiviti lain yang telah ditetapkan. Selaras dengan keputusan tersebut, JPPM telah menetapkan bahawa pertubuhan boleh melaksanakan mesyuarat jawatankuasa dengan jumlah ahli yang minima dan aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.***

ii) Pelaksanaan tersebut hendaklah mematuhi *Prosedur Operasi Standard (SOP)* semasa yang telah ditetapkan dan mematuhi arahan keselamatan di bawah *Majlis Keselamatan Negara (MKN)* dan juga *Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)*, *Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)* berkaitan penularan **COVID-19. Hal ini juga adalah selaras dengan *Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.6) 2020* dalam bidang kuasa *KKM* dan dikuatkuasakan/dilaksanakan oleh *Polis Diraja Malaysia (PDRM)* sekiranya ia melibatkan pergerakan rentas negeri/wilayah.**

iii) Oleh yang demikian, pertubuhan hendaklah memastikan:

a) Ahli mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka, mempraktikkan amalan mencuci tangan menggunakan sabun atau menggunakan hand sanitizer, elakkan bersalaman atau bersentuhan dan ahli hendaklah mengelakkan bertutur dengan jarak yang dekat

b) Kawasan tempat aktiviti / mesyuarat dijamin kebersihannya dengan disanitasi dengan betul sebelum dan selepas aktiviti / mesyuarat. Setiap keahlian hendaklah dicatatkan perincian mereka bersama-sama dengan bacaan suhu badan dan tempat terakhir yang dikunjungi oleh ahli. Lokasi aktiviti / mesyuarat hendaklah dipastikan tidak terlalu sempit atau sesak; dan

c) Kebenaran ini adalah terhadap kepada mesyuarat jawatankuasa sahaja dan tidak melibatkan persidangan / perhimpunan / mesyuarat agung dan sebarang penganjuran yang melibatkan perhimpunan dalam jumlah yang ramai.

d) Perkara ini hendaklah diberikan perhatian bagi memastikan kesihatan dan keselamatan pihak-pihak yang terlibat adalah diberikan keutamaan. Pematuhan SOP ini hendaklah di bawah kawalan ketat pihak pertubuhan sendiri dan apa-apa jua kemungkinan sekiranya berlaku ketidakpatuhan arahan dan SOP berkaitan, ia adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya pihak pertubuhan.

iv) Walau bagaimanapun, JPPM menasihatkan agar pertubuhan melaksanakan mesyuarat tersebut secara atas talian dalam memastikan penularan wabak COVID-19 dapat dihentikan.

KAEDAH PERBINCANGAN / MESYUARAT YANG DIBOLEHKAN

6. Bolehkah mesyuarat atau mesyuarat penaja pertubuhan dilaksanakan secara atas talian?

Boleh. Perkara ini mengambil kira arahan PKP yang melarang sebarang bentuk mass gathering dilaksanakan. Walau bagaimanapun, tatacara pengurusan mesyuarat hendaklah mematuhi dan selaras dengan kehendak perlembagaan pertubuhan. Semua dokumentasi yang berkaitan dengan perbincangan harus ada sebagai pembuktian suatu perbincangan telah diadakan seperti yang ditetapkan dalam perlembagaan. Hal ini terpakai bagi pertubuhan yang bercadang untuk melaksanakan perbincangan dan mesyuarat menggunakan konsep virtual atau video call.

7. Bolehkah Pihak Pertubuhan Melaksanakan Perhimpunan/ Persidangan/ Mesyuarat Agung Tahunan Secara Dalam Talian?

Boleh dan adalah digalakkan. Perkara ini adalah untuk mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan secara fizikal dan ia mampu mengelakkan daripada wabak Covid-19 daripada terus menular dan ini juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk memutuskan rantai penularan wabak tersebut. Pada era teknologi ini seharusnya pertubuhan mengambil peluang untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dan tidak lagi bergantung kepada kaedah konvensional dalam pengurusan pertubuhan masing-masing.

Perkara yang sama juga terpakai ke atas mesyuarat bulanan atau mesyuarat jawatankuasa atau apa jua bentuk mesyuarat yang telah diperuntukan dalam perlembagaan pertubuhan masing-masing.

8. Adakah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) Menetapkan Sebarang Syarat Berhubung Pengendalian Mesyuarat Secara Dalam Talian?

JPPM tidak menetapkan sebarang syarat berhubung cara dan kaedah pengendalian mesyuarat secara dalam talian. Walau bagaimanapun, segala peruntukan seperti korum mesyuarat, pengeluaran notis, usul, topik pembentangan dan lain-lain perkara berkaitan hendaklah selaras dengan apa yang telah diperuntukan di dalam undang-undang tubuh pertubuhan (perlembagaan pertubuhan).

Minit Mesyuarat juga hendaklah disediakan dengan lengkap dan menjadi tanggungjawab pertubuhan untuk memastikan segala maklumat yang diperlukan direkodkan dengan sempurna untuk dijadikan sebagai bukti pelaksanaan sesuatu mesyuarat semasa mengemukakan Penyata Tahunan kepada JPPM selaras dengan Seksyen 14(1), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

Kegagalan mana-mana pertubuhan mematuhi segala peruntukan perlembagaan pertubuhan ia boleh mengakibatkan tindakan di ambil di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

PENGHANTARAN PENYATA TAHUNAN BAGI PERTUBUHAN KECUALI KATEGORI POLITIK

9. Adakah pertubuhan perlu mengemukakan penyata tahunan di dalam tempoh PKP?

Ya, pihak pertubuhan yang telah melaksanakan perhimpunan/persidangan/ mesyuarat agung tahunannya sebelum tempoh PKP hendaklah mengemukakan penyata tahunannya melalui sistem eROSES selaras dengan peruntukan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

PENGURUSAN PERTUBUHAN

10. Sekiranya pertubuhan telah melaksanakan mesyuarat agung dan pemilihan jawatankuasa baharu telah dilaksanakan. Bagaimana pertubuhan hendak menukar tandatangan cek dan adakah boleh menggunakan tandatangan jawatankuasa lama bagi tujuan pembayaran seperti gaji pekerja atau bayaran utiliti?

Bagi pertukaran tandatangan dokumen kewangan pertubuhan, pihak bank memerlukan dokumen-dokumen pertubuhan yang telah disahkan oleh JPPM. Oleh itu, pihak pertubuhan boleh membuat pengesahan dokumen secara temujanji di Kaunter JPPM.

Dalam tempoh PKP ini tandatangan jawatankuasa lama untuk menandatangani dokumen kewangan seperti cek adalah dibenarkan dan tertakluk kepada persetujuan jawatankuasa lama dahulu.

11. Bolehkah pihak pertubuhan melaksanakan bantuan kemanusiaan kepada *frontliners*, komuniti setempat atau ahli-ahli pertubuhan yang memerlukan bantuan dalam tempoh PKP?

Boleh. Walau bagaimanapun, sebarang bentuk bantuan seperti mengagihkan makanan, bantuan keperluan harian dan lain-lain bentuk bantuan semasa PKP kepada orang awam atau mana-mana komuniti hendaklah mendapat kebenaran daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) terlebih dahulu dan seterusnya memaklumkan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di kawasan atau balai polis yang berhampiran. Semua arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa hendaklah dipatuhi sepanjang masa.

PENGURUSAN KEWANGAN PERTUBUHAN UNTUK BANTUAN

12. Bolehkah pihak pertubuhan mengeluarkan wang dari akaun pertubuhan untuk melaksanakan aktiviti bantuan dalam tempoh PKP?

Boleh. Walau bagaimanapun, pengeluaran kewangan pertubuhan hendaklah mematuhi had perbelanjaan dan kaedah pengeluaran yang diperuntukan di dalam perlembagaan pertubuhan. Perkara ini haruslah dipatuhi agar tidak bercanggah dengan peruntukan perlembagaan pertubuhan.

PENGGUNAAN PERUNTUKAN G-KOM 2019

13. Bolehkah persatuan penduduk yang telah menerima peruntukan G-KOM 2019 membeli peralatan kesihatan seperti hand sanitizer, penutup hidung dan muka?

Sebarang perubahan kepada permohonan yang telah diluluskan boleh dimaklumkan dan dikemukakan kepada JPPM Negeri yang berkaitan dan ia adalah tertakluk kepada pertimbangan JPPM Negeri berkenaan.

PERTANYAAN BAGI MAKLUMAT LANJUT

14. Siapakah yang boleh dihubungi dalam tempoh PKP sekiranya terdapat persoalan berhubung pengurusan pertubuhan?

Pihak pertubuhan berdaftar boleh mengemukakan sebarang persoalan melalui alamat emel bpp.ros@moha.gov.my atau emel Pengarah JPPM Negeri masing-masing yang boleh didapati di laman sesawang JPPM iaitu www.ros.gov.my.

Nota : Soalan lazim akan dikemaskini
dari masa ke semasa mengikut keperluan.
Sekian, terima kasih

Tarikh Kemaskini : 4 Jun 2020